

membuat perbandingan dan perumpamaan dalam usaha memahamkan sesuatu ajaran agama. Dalam hal ini Nabi s.a.w. sebenarnya telah mengikuti gaya bahasa al-Qur'an. (3) Kekotoran dan dosa ada banyak peringkatnya. Ada yang mudah ditanggalkan dan ada juga yang sukar. (4) Ada keadaan-keadaan tertentu yang membuatkan tubuh badan kita menjadi kotor dan berdaki. Ada pula keadaan-keadaan dan benda-benda tertentu yang dapat menghilangkan kekotoran-kekotoran itu. Begitu juga dengan kerja-kerja yang dibuat oleh manusia, ada yang mendatangkan dosa dan ada pula yang menghapuskannya. (5) Mandi di sungai tidak semestinya dengan berkumpul atau berjama'ah. Ia boleh juga dilakukan secara bersendirian. Dalam kedua-dua keadaan itu, ia tetap membersihkan tubuh badan seseorang. Demikianlah juga dengan sembahyang lima waktu. Untuk menghapuskan dosa, tidaklah disyaratkan ia dikerjakan secara berjama'ah. Sembahyang fardhu lima waktu yang dikerjakan secara bersendirian juga dapat menghapuskan dosa-dosa. Inilah yang difahami Bukhari. Beliau telah memasukkan di dalam tajuk bab di atas apa yang difahaminya itu. (6) Untuk menjaga kebersihan tubuh badan dan mengekalkan kesihatan, betapa perlunya manusia kepada air. Begitulah juga dengan amal saleh. Manusia memerlukannya untuk menjaga kesucian jiwa dan mengekalkan kesejahteraan. (7) Seseorang tidak sepatutnya malas menggunakan sesuatu yang diperolehinya secara percuma dan mudah. Apalagi kalau kelebihan, keuntungan dan khasiat yang akan diperolehi daripadanya amat besar. (8) Keharusan mandi beberapa kali tiap-tiap hari. Sama ada untuk menjaga kebersihan tubuh badan, mendapat kesegaran atau untuk maksud-maksud yang lain lagi. (9) Para sahabat sentiasa mendapat pengajaran dan bimbingan daripada Rasulullah s.a.w. (10) Dalam pengajaran, selalu juga Rasulullah s.a.w. menggunakan metode soal jawab. (11) Kelebihan sembahyang fardhu lima waktu.

⁸⁹⁸ Tajuk bab ini hanya terdapat di dalam riwayat al-Hamawi dan al-Kusymayhani sahaja. Demikian kata Hafiz Ibnu Hajar. Antara tujuan Imam Bukhari mengadakan bab ini ialah: (1) Membuktikan kelebihan sembahyang pada waktunya dengan menyebutkan lawannya iaitu kejelikan tidak bersembahyang langsung atau bersembahyang di luar waktu yang ditentukan. Bersembahyang pada waktu yang ditentukan mempunyai banyak sekali kelebihan. Antara kelebihannya yang paling ketara ialah ia menghapuskan dosa. Lawannya pula ialah langsung tidak bersembahyang atau bersembahyang di luar waktu dengan sengaja. Ia bukan sekadar tidak menepati sunnah Nabi s.a.w. dan tidak dapat menghapuskan dosa, malah sebaliknya mendatangkan dosa. Selalu juga Bukhari menyabitkan sesuatu perkara dengan mengemukakan lawannya. Ia bahkan merupakan salah satu usul penting yang diguna pakai oleh Bukhari dalam membentuk tajuk babnya. Dalam senarai "Usul Tarjamatil Bab Bukhari" yang disusun oleh Syekhul Hadits Maulana Muhammad Zakariya, ذكر الأضداد (menyebutkan lawan) merupakan usul keenam puluh sembilan. (2) Menerusi tajuk bab ini beliau mahu mengisytarkan kepada akibat mengabaikan sembahyang seperti telah disebut Allah di dalam firmanNya ini:

خَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهْوَةَ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غِيًّا ﴿٨٩﴾

Bermaksud: kemudian mereka diganti oleh keturunan-keturunan yang mengabaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan ma'shiat); maka mereka kelak akan menghadapi 'azab (di dalam neraka). (Maryam:59). (3) Menjelaskan maksud إضاعة الصلاة atau تضييع الصلاة (mengabaikan sembahyang) yang tersebut di dalam al-Qur'an dan hadits-hadits. Ia membawa beberapa erti. (1) Meninggalkan langsung (terus) sembahyang. (2) Melewat-lewatkan sembahyang daripada waktunya yang afdhal. (3) Melewat-lewatkannya daripada waktu harus atau selalu bersembahyang pada waktu makruh. Apa yang dilakukan oleh sesetengah pemimpin

٤٩٨ - حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ قَالَ حَدَّثَنَا مَهْدِيُّ عَنْ غَيْلَانَ عَنْ أَنَسٍ قَالَ مَا أَعْرِفُ شَيْئًا بِمَا كَانَ عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قِيلَ الصَّلَاةُ قَالَ أَلَيْسَ ضَبَعُكُمْ مَا ضَبَعُكُمْ فِيهَا

498- Musa bin Isma'il (al-Manqari at-Tabuzki) meriwayatkan kepada kami, katanya: Mahdi (bin Maimun m.172H) meriwayatkan kepada kami daripada Ghailan (bin Jarir al-Ma'wali) daripada Anas (bin Malik), katanya: "Saya tidak mengetahui sesuatu yang pernah saya ketahui ada di zaman Nabi s.a.w. (masih ada lagi sekarang ini)."⁸⁹⁹ Beliau

Bani Umaiyyah itu sebenarnya tidaklah sampai mereka bersembahyang di luar waktu atau langsung tidak bersembahyang atau selalu bersembahyang pada waktu makruh. Mereka hanya telah lewat-lewatkan sembahyang daripada waktunya yang afdhal. Oleh kerana sikap sesetengah sahabat seperti Anas bin Malik sangat keras dalam soal ini, mereka tidak dapat menerima juga perbuatan pemimpin yang mengabaikan sembahyang sehingga berlalu waktu sembahyang yang afdhal menurut pengetahuan dan pandangan mereka. Tetapi jika dilihat kepada khilaf yang berlaku di kalangan para imam mujtahidin semenjak zaman sahabat lagi, jelas sekali bahawa mereka masih khilaf tentang waktu-waktu sembahyang yang afdhal itu. Sebagai contoh waktu afdhal untuk sembahyang Subuh menurut Ibnu Mas'ud r.a. dan kemudiannya dipegang dan diamalkan oleh Imam Abu Hanifah dan lain-lain ialah waktu isfaar (cerah tanah). Waktu afdhal untuk sembahyang 'Ashar pula bagi mereka ialah agak lewat iaitu ketika bayang sesuatu menjadi satu kali lebih panjang daripadanya. Pendek kata waktu afdhal bagi mereka untuk sembahyang-sembahyang itu bukanlah di awal waktu. Jadi adalah tidak wajar sama sekali memandang serong terhadap pemimpin-pemimpin kerajaan Bani Umaiyyah, semata-mata kerana adanya hadits Anas yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab ini. Tidak masuk 'aqal sama sekali mereka secara keseluruhannya, bermula daripada khalifah hingga kepada pemimpin-pemimpin bawahan mengabaikan perintah-perintah agama sebegitu rupa sehingga tidak ada lagi ajaran agama yang dilaksanakan selain sembahyang. Sembahyang itu pun dikerjakan mereka di luar waktu. Malah berdasarkan riwayat Ibnu Sa'ad, yang tinggal hanyalah ucapan syahadah. Maksudnya ialah orang-orang Islam pada masa itu hanyalah Islam pada nama sahaja. Ke mana perginya ramai lagi sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang masih hidup pada ketika itu? Kenapa tidak ada pula riwayat-riwayat seperti ini dinukilkan daripada mereka? Mereka bahkan hidup dengan selesa dan tenang mengamalkan ajaran-ajaran agama di mana-mana pun termasuk di Syam. Kalau apa yang tersebut di dalam hadits Anas itu memang telah benar-benar berlaku, tentulah mereka tidak akan berdiam diri dan membisu seribu bahasa terhadap kemungkaran-kemungkaran yang berlaku dengan teruk sekali itu! Tentulah riwayat-riwayat mereka juga terdapat di dalam kitab-kitab hadits. Maka semestinya hadits Anas di bawah bab ini dita'wil dengan mengatakan misalnya, kata-kata beliau itu termasuk dalam bab mubalaghah, taghliz atau berdasarkan kefahaman beliau sendiri. Sedangkan pihak pemerintah pula mempunyai alasan mereka yang tersendiri. Patutlah para sahabat yang lain dan imam-imam ummat pada ketika itu tidak menegur perbuatan mereka.⁸⁹⁹ Menurut riwayat Ibnu Sa'ad seperti yang dinukilkan oleh Hafiz Ibnu Hajar, terdapat sedikit tambahan selepas ini iaitu *إلا شهادة أن لا إله إلا الله* (kecuali kesaksian bahawa tiada tuhan melainkan Allah).

ditanya orang: “Sembahyang?”⁹⁰⁰ Katanya: “Bukankah kamu telah mengabaikannya sedemikian rupa?”⁹⁰¹

⁹⁰⁰ Menurut riwayat Ahmad di dalam Musnadnya, orang yang bertanya Anas di sini ialah Abu Raafi'. Sila lihat riwayat itu bersama-sama sanadnya di bawah ini:

حَدَّثَنَا رَوْحُ حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ سَعْدٍ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ يَقُولُ مَا أَعْرِفُ شَيْئًا مِمَّا عَاهَدْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْيَوْمَ فَقَالَ أَبُو بَرَمَكْسُودُ: كَتَا أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ رَافِعٌ يَا أَبَا حَمْزَةَ وَلَا الصَّلَاةَ فَقَالَ أَوْلَيْسَ قَدْ عَلِمْتَ مَا صَنَعَ الْحَجَّاجُ فِي الصَّلَاةِ Kata Anas bin Malik: “Saya tidak mengetahui sesuatu yang pernah saya ketahui ada di zaman Rasulullah s.a.w. dahulu masih ada lagi hari ini.” Abu Raafi' lantas bertanya: “Wahai Aba Hamzah, sembahyang pun tidak?” Kata Anas: “Bukankah engkau tahu apa yang telah dilakukan oleh Hajjaaj terhadap sembahyang?” (Hadits riwayat Ahmad di dalam Musnadnya. Lihat Musnad Ahmad j.26 m/s 238). Tak kisahlah siapa pun yang bertanya. Yang jelasnya ialah hadits ini dha'if kerana terdapat di dalam isnadnya 'Utsman bin Sa'ad. Yahya bin Sa'id al-Qatthaan, Yahya bin Ma'in, Abu Zur'ah, Nasaa'i, Hafiz Ibnu Hajar dan lain-lain mengatakan dia seorang yang dha'if.

⁹⁰¹ Hafiz Ibnu Hajar menukilkan satu riwayat daripada Thabaqaat Ibnu Sa'ad yang menyatakan sebab kenapa Anas bin Malik berkata begini. Kata beliau, Ibnu Sa'ad telah mengemukakan di bawah biografi Anas satu riwayat melalui saluran riwayat 'Abdur Rahman bin al-'Uryaan al-Haritsi, katanya: Saya telah mendengar Tsabit al-Bunaani menceritakan. Lihat teksnya:

قال كنا مع أنس بن مالك فأخبر الحاجج الصلاة فقام أنس يريد أن يكلمه فيها إخوانه شفقة عليه منه فخرج فركب دابته فقال في مسيره ذلك والله ما أعرف شيئا مما كنا عليه على عهد النبي صلى الله عليه وسلم إلا شهادة أن لا إله إلا الله فقال رجل فالصلاة يا أبا حمزة قال قد جعلتم الظهر عند المغرب أفنك كانت صلاة رسول الله صلى الله عليه وسلم وأخرجه بن أبي عمر في مسنده من طريق حماد عن ثابت Bermaksud: Kata Tsabit al-Bunaani: “Pernah kami bersama Anas bin Malik. Oleh al-Hajjaaj diperlewat-lewatkannya sembahyang. Anas bangun untuk menegurnya, tetapi saudara-mara beliau menegahinya kerana mereka bimbang beliau akan dihukum al-Hajjaaj. Kemudian Anas keluar dengan kenderaannya. Dalam perjalanannya itu beliau berkata: “Demi Allah! Saya tidak mengetahui sesuatu yang pernah saya ketahui ada di zaman Nabi s.a.w. dahulu masih ada lagi hari ini kecuali kesaksian bahawa tiada tuhan melainkan Allah.” Lantas beliau ditanya oleh seorang lelaki: “Sembahyang (bagaimana) wahai Aba Hamzah?” Kata Anas: “Kamu telah mengerjakan sembahyang Zohor dekat (waktu) Maghrib. Begitukah caranya sembahyang Rasulullah s.a.w.?” (Kata Hafiz Ibnu Hajar): “Hadits ini diriwayatkan juga oleh Ibnu Abi 'Umar di dalam Musnadnya melalui saluran riwayat Hamaad daripada Tsabit secara ringkas.” (Lihat Fathu al-Baari j.2 m/s 13).

Melalui riwayat ini dapat dikesan beberapa perkara berikut: (1) Siapa orangnya yang melewat-lewatkan sembahyang itu. (2) Anas hendak menegur al-Hajjaaj, tetapi saudara-mara beliau menahannya kerana takut dihukum oleh al-Hajjaaj. Ia secara tidak langsung menunjukkan kezaliman dan kekejaman al-Hajjaaj diketahui umum. (3) Berdasarkan riwayat yang lain dapat diketahui bahawa Anas keluar dengan kenderaannya untuk pergi ke Syam. Tujuannya ialah mengadukan hal Hajjaaj yang suka melewat-lewatkan sembahyang kepada khalifah pada masa itu iaitu al-Walid bin 'Abdul Malik. Berdasarkan riwayat Anas selepas ini iaitu riwayat no:499, Anas berasa amat kecewa kerana setelah pergi ke Syam beliau mendapati orang-orang di sana juga tidak bersembahyang pada waktunya. Keadaan inilah yang membuatkan beliau menangis. (4) Menurut Anas berdasarkan hadits ini, masyarakat Islam pada ketika itu telah berubah sama sekali daripada keadaan mereka semasa Rasulullah s.a.w. masih hidup. Tidak ada apa pun yang beliau ketahui diamalkan di zaman Rasulullah s.a.w. masih diamalkan lagi pada masa itu selain ucapan dua kalimah syahadah. Sembahyang pun tidak dikerjakan pada waktunya. Pendek kata orang-orang Islam pada masa itu tidak mengamalkan lagi ajaran Islam yang sebenarnya. **Puas penulis mencari riwayat yang dinukilkan oleh Hafiz Ibnu Hajar daripada kitab Thabaqaat ini di dalam kitab asalnya at-Thabaqaat al-Kubra. Ia tidak ditemui. Hadits ini tidak dapat dikesan penulis**

dalam kedua-dua edisinya. Edisi Maktabah Syamilah terbitan Dar Shadir, Beirut dan juga edisi Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut. Kebanyakan pensyarah kitab-kitab hadits mengemukakan nukilan Hafiz Ibnu Hajar itu di dalam kitab mereka masing-masing. Sebagai contohnya al-Qasthallani di dalam Irsyad as-Saari, Maulana Mubarakpuri di dalam Tuhfatu al-Ahwazi dan Maulana Zakariya di dalam Hasyiah Laami' ad-Daraari. Begitulah nukilan atas nukilan telah berlaku sejak zaman berzaman. Mungkin naskhah at-Thabaqaat al-Kubra yang dipakai Hafiz Ibnu Hajar itu berbeza daripada naskhah-naskhah yang tersebar dengan meluas hari ini. Bagaimanapun kewujudan riwayat itu di dalam Thabaqaat Ibnu Sa'ad tetap boleh diragui. Jika diandaikan ia memang wujud di dalam at-Thabaqaat al-Kubra sekalipun, tetap juga ia tidak boleh dijadikan hujjah. Lantaran jelas sekali kedha'ifan dan kemungkarannya. Bagi penulis, hadits-hadits seperti ini sebenarnya adalah rekaan musuh-musuh kerajaan Bani Umaiyah dan orang-orang yang benci kepada pemimpin-pemimpin mereka terutamanya al-Hajjaaj. Ingatlah kepada kesimpulan yang telah dibuat oleh Imam Ibnu al-Qayyim hasil daripada penelitian beliau terhadap hadits-hadits maudhu', bahawa: **وكل حديث في ذم بني أمية فهو كذب** Bermaksud: Setiap hadits yang mencela Bani Umaiyah adalah dusta. Kata beliau lagi: **وذلك أحاديث ذم الوليد وذم مروان بن الحكم** Bermaksud: Demikian juga dengan hadits-hadits yang mencela al-Walid dan Marwaan bin al-Hakam. Ibnu Batthaal menukilkan kata-kata al-Muhallab bahawa maksud Anas dengan kata-kata beliau: **وَهَذِهِ الصَّلَاةُ قَدْ ضَيِّعَتْ وَأَلَيْسَ ضَيِّعْتُمْ مَا ضَيِّعْتُمْ فِيهَا** dan itu ialah mereka melewatkan sembahyang daripada waktunya yang mustahab (afdhal). Ia tidak bererti mereka bersembahyang di luar waktu sama sekali. Kata al-Muhallab lagi: "Demi Allah! Mereka tidak mengabaikan sembahyang dengan erti meninggalkannya terus. Kalau begitulah yang dilakukan, niscaya jadi kafirlah mereka. Apa yang berlaku sebenarnya ialah mereka melewatkan sembahyang daripada waktunya yang mustahab." Antara tokoh hadits yang sependapat dengan al-Muhallab dalam masalah ini ialah Imam Nawawi di dalam Syarah Muslim, Ibnu Ruslaan di dalam Syarah Abi Daudnya dan Syeikh Khalil Ahmad Saharanpuri juga di dalam Syarah Abi Daudnya Bazlul Majhud. Imam Nawawi, Ibnu Ruslaan dan Syeikh Khalil Ahmad berpendapat, menganggap para pemimpin kerajaan Bani Umaiyah bersembahyang di luar waktu adalah bercanggah sama sekali dengan kenyataan. Tidak ada siapa pun antara mereka melakukan demikian. Maka hadits-hadits seperti hadits Anas ini handaklah dipakai dengan ma'na yang tidak bercanggah dengan kenyataan. Ia seharusnya difahami dengan ma'na mereka melewatkan sembahyang daripada waktunya yang mustahab atau mukhtar sahaja. Kata Hafiz Ibnu Hajar: "Pendapat al-Muhallab ini disokong oleh sekumpulan besar 'ulama'. Ia selain tidak bersesuaian dengan tajuk bab, bertentangan pula dengan kenyataan. Mereka bukan sahaja melewat-lewatkan sembahyang, malah telah mengerjakannya di luar waktu. Cerita ini memang masyhur di kalangan orang ramai dan ada pula riwayat-riwayat sahih yang membuktikan kebenarannya. Inilah sebenarnya kenyataan yang telah berlaku." Kemudian Hafiz Ibnu Hajar mengemukakan beberapa riwayat (atsar) untuk menyokong da'waannya. (1) **عَدِ الرَّزَاقُ عَنْ عَطَاءٍ قَالَ أَخِرَ الْوَلِيدِ الْجُمُعَةَ حَتَّى أَمْسَى فَجَنَّتْ فَصَلَّيْتُ الظُّهْرَ قَبْلَ أَنْ أَجْلِسَ ثُمَّ صَلَّيْتُ الْعَصْرَ وَأَنَا** Bermaksud: Kata 'Athaa': "Pernah al-Walid melewatkan sembahyang Juma'at hingga ke petang. Setelah sampai (ke tempa sembahyang), saya terus bersembahyang Zohor sebelum duduk. Kemudian bersembahyang pula 'Ashar sambil duduk secara isyarat. Ketika itu al-Walid sedang berkhotbah. Sebabnya 'Athaa' melakukan demikian ialah kerana takut akan dibunuh. **فَإِنَّمَا فَعَلَ ذَلِكَ عَطَاءٌ خَوْفًا عَلَى نَفْسِهِ مِنَ الْقَتْلِ** Bermaksud: Kata 'Athaa': "Pernah sekali al-Walid melewatkan sembahyang Juma'at hingga ke petang. Kata 'Athaa' lagi: "Maka saya terus bersembahyang Zohor sebelum duduk. Kemudian bersembahyang pula 'Ashar sambil duduk. Kata 'Athaa' seterusnya: "Saya letakkan kedua tangan saya di atas

kedua lutut dan mengisyaratkan dengan kepala.” Jika diteliti, niscaya banyaklah terdapat perbedaan di antara dua riwayat itu. Sebagai perbandingan, penulis akan menunjukkan beberapa sudut perbedaannya: (a) Riwayat pertama menampilkan seolah-olahnya melewati sembahyang Juma’at itu sudah menjadi kebiasaan khalifah al-Walid bin ‘Abdul Malik. Sedangkan riwayat kedua menjelaskan bahawa keadaan itu telah berlaku hanya sekali sahaja. (b) Perkataan حتى أمسى (hingga ke petang) tidak jelas menunjukkan khalifah al-Walid telah bersembahyang Juma’at setelah habis waktu Zohor. Perkataan مساء bererti petang atau jangka waktu yang memanjang daripada waktu Zohor sampai kepada waktu Maghrib atau sehingga ke pertengahan malam. Bagaimanapun keterangan ‘Athaa’ selepas itu menunjukkan khalifah al-Walid masih berkhotbah setelah masuk waktu ‘Ashar. Kalau pada waktu ‘Ashar khotbah Juma’at belum selesai, tentulah sembahyang Juma’at dikerjakan di luar waktunya. Sebab itulah beliau bersembahyang ‘Ashar sambil duduk. (c) Riwayat ‘Abdur Razzaaq yang dikemukakan oleh Hafiz Ibnu Hajar jelas mudraj, kerana tersebut di akhirnya sebab kenapa ‘Athaa’ berbuat begitu. Ayat terakhir riwayat berkenaan ialah: وإنما فعل ذلك عطاء خوفاً على نفسه من القتل (Sebabnya ‘Athaa’ melakukan demikian ialah kerana takut akan dibunuh). Tentu sekali ia bukan kata-kata ‘Athaa’. Kalau begitu siapa agaknya yang mengungkapkan ayat terakhir itu? Padahal lafaz terakhir riwayat ‘Abdur Razzaaq yang sebenarnya bukan begitu, tetapi begini: قال أضع يدي على ركبتي وأومئ برأسي (Saya letakkan kedua tangan saya di atas kedua lutut dan mengisyaratkan dengan kepala). Lalu lafaz riwayat siapakah yang harus dipegang? Lafaz riwayat yang dikemukakan oleh Hafiz Ibnu Hajarkah atau lafaz tuan riwayat yang sebenarnya?? (d) Riwayat ‘Abdur Razzaaq yang dikemukakan oleh Hafiz Ibnu Hajar menampilkan pemerintah pada masa itu sangat zalim dan kejam. Sso yang tidak turut bersembahyang bersama pemimpin di luar waktu sembahyang yang tertentu, mungkin sekali dihukum bunuh! Kenapa begitu jauh sekali perbedaan di antara riwayat ‘Abdur Razzaaq yang dikemukakan oleh Hafiz Ibnu Hajar itu dengan riwayat ‘Abdur Razzaaq sendiri di dalam Mushannafnya? Penulis mengandaikan dua sebabnya. Pertama: Nuskah Mushannaf yang dipakai Hafiz Ibnu Hajar jauh berbeza daripada nuskah-nuskahnya yang tersebar dengan meluas hari ini. Kedua: Hafiz Ibnu Hajar telah meriwayatkannya dengan ma’na bukan dengan lafaz asal riwayat itu. Kalau andaian pertama benar, maka tidak ada lagi nuskah Mushannaf yang harus dan boleh dipercayai. Kalau andaian kedua pula yang benar, maka kesilapan besar telah dilakukan oleh Hafiz Ibnu Hajar. Kerana dengan sebabnya seorang pemimpin yang adil dan saleh akan dianggap sebagai zalim dan fasiq. Pemimpin dari kalangan Bani Umaiyah yang paling cemerlang zaman pemerintahannya akan dianggap sebagai pemimpin yang paling teruk. Bagi penulis, semua ini adalah permainan jahat musuh-musuh kerajaan Bani Umaiyah. Kerja mereka tiada lain selain daripada memburuk-burukkan pemimpin-pemimpin kerajaan itu. Malang betul apabila seorang ‘alim yang hebat seperti Hafiz Ibnu Hajar juga turut terpedaya dengan propaganda mereka. Andai kata riwayat sebenar ‘Abdur Razzaaq memang tepat seperti yang dikemukakan oleh Hafiz Ibnu Hajar sekalipun, riwayat itu tidak seharusnya diterima. Kerana ia hanya diperkenalkan oleh seorang perawi Syi’ah seperti ‘Abdur Razzaaq. Bukankah riwayat ahli bid’ah yang menyokong bid’ah dan fahamannya mesti ditolak? Kebencian golongan Syi’ah terhadap sahabat dan kerajaan Bani Umaiyah adalah sesuatu yang tidak tersembunyi kepada sesiapa pun yang mengetahui sejarah mereka. Bukankah hampir kesemua pengarang kitab-kitab hadits yang utama termasuk Imam Bukhari dan Muslim, memasukkan riwayat ‘Abdur Razzaaq di dalam kitab-kitab mereka. Soalnya kenapa mereka tidak memasukkan juga hadits ini ke dalam kitab-kitab itu? Sudah tentulah kerana ia tidak menepati piawaian yang diterima mereka. (2) Atsar kedua, ketiga dan keempat yang dikemukakan oleh Hafiz Ibnu Hajar untuk membuktikan kebenaran da’waannya ialah atsar-atsar yang diriwayatkan oleh Abu Nu’aim, guru Imam Bukhari di dalam Kitab as-Shalahnya melalui saluran riwayat Abi Bakr bin ‘Utbah, katanya: أخر الصلاة ترك أن يشهدا معه ومن طريق محمد بن أبي إسحاق قال كنت بمنى وصحف تقرأ للوليد فأخروا الصلاة فنظرت إلى سعيد

Bermaksud: “Aku pernah bersembahyang di sebelah Abi Juhaifah (seorang sahabat Rasulullah s.a.w.). Tiba-tiba Hajjaaj bersembahyang lewat di waktu petang. Maka Abu Juhaifah bangun bersembahyang (sendirian). Melalui saluran riwayat Ibnu ‘Umar (Abu Nu‘aim meriwayatkan), bahawa beliau selalu bersembahyang bersama Hajjaaj. Apabila Hajjaaj melewati sembahyang, tidak lagi beliau bersembahyang bersamanya. Melalui saluran riwayat Muhammad bin Abi Isma‘il (Abu Nu‘aim meriwayatkan bahawa) kata beliau (Muhammad bin Abi Isma‘il): “Pernah ketika saya di Mina, surat-surat dibacakan kepada al-Walid. Kerana itu mereka melewati sembahyang. Saya lihat Sa‘id bin Jubair dan ‘Athaa’ bersembahyang dengan isyarat sambil duduk.” (Lihat Fathul Baari j.2 m/s 14). Berikut adalah beberapa komentar penulis tentang dalil kedua, ketiga dan keempat yang dikemukakan oleh Hafiz Ibnu Hajar itu. (a) Kesemuanya beliau ambil daripada Kitab as-Shalah Abu Nu‘aim (m.219H), tetapi tanpa mengemukakan sanad-sanadnya dengan lengkap. Tidak ada pula Kitab as-Shalah Abu Nu‘aim itu dengan penulis untuk diteliti sanadnya. Kitab as-Shalah Abu Nu‘aim yang terdapat di dalam Maktabah Syamilah pula tidak lengkap. (b) Hadits atau atsar yang diriwayatkan oleh mana-mana guru Imam Bukhari, belum tentu lagi terjamin kesahihannya. (c) Tiga atsar yang dipetik Hafiz Ibnu Hajar daripada Kitab as-Shalah Abu Nu‘aim itu jika diteliti dengan saksama, masih tidak jelas menunjukkan para pemimpin Bani Umayyah itu telah bersembahyang di luar waktu. Ia hanya menunjukkan mereka melewati sembahyang sahaja. Itupun jika diandaikan atsar-atsar itu sahih. Di manakah letaknya dalil bagi da‘waan Hafiz Ibnu Hajar di dalam atsar-atsar tersebut? (d) Tidak diketahui siapa sebenarnya Abu Bakar bin ‘Utbah itu. Kalau begitu ia adalah seorang perawi majhul. Riwayat seorang perawi majhul adalah dha‘if sekurang-kurangnya. (e) Atsar Ibnu ‘Umar bagaimanapun dapat dapat dikesan penulis puncanya. Ibnu Sa‘ad di dalam at-Thabaqaat al-Kubra meriwayatkannya melalui dua saluran riwayat. Satu daripadanya adalah daripada Abu Nu‘aim. Kata beliau: قال أخبرنا عبيد الله بن موسى قال أخبرنا إسرائيل وأخبرنا الفضل بن دكين قال حدثنا زهير بن معاوية جميعا عن جابر عن نافع قال كان بن عمر يصلي مع الحجاج بمكة فلما أخرج الصلاة ترك أن يشهدا معه وخرج منها Bermaksud: Ibnu ‘Umar selalu bersembahyang dengan berimamkan Hajjaaj di Mekah. Apabila Hajjaaj melewati sembahyang, beliau tidak lagi bersembahyang bersamanya. Beliau keluar dari Mekah. (Lihat at-Thabaqaat al-Kubra j.4 m/s 149). Tahukah anda siapakah Jaabir yang meriwayatkan cerita ini daripada Naafi’? Dialah sebenarnya paksi (madaar) kepada cerita ini. Ibnu Rajab mengesahkan dia ialah Jaabir al-Ju‘fi. Jaabir bin Yazid al-Ju‘fi adalah seorang tokoh besar Syi‘ah yang telah menyamar sebagai salah seorang tokoh Sunni di kalangan masyarakat Sunni di zamannya. Hadits-haditsnya terdapat di dalam kitab-kitab hadits utama ahli as-Sunnah. Antara kitab hadits utama yang memuatkan hadits-hadits yang diriwayatkannya ialah Sunan Tirmizi, Sunan Ibnu Majah dan Sunan Abi Daud. Bagaimanapun Abu Daud hanya mengambil satu saja haditsnya. Dia adalah seorang pendusta besar dan ditolak oleh sekian ramai tokoh Rijsal. Imam Abu Hanifah berkata: “Tidak pernah saya melihat orang yang lebih utama daripada ‘Athaa’. Dan tidak pernah saya melihat orang yang lebih pembohong daripada Jaabir al-Ju‘fi.” Jarir bin ‘Abdul Hamid meriwayatkan daripada Tsallabah, katanya: “Pernah saya hendak pergi mengadap (belajar dengan) Jaabir. Laits bin Abi Sulaim terus berkata kepadaku: “Jangan pergi kepadanya. Dia adalah seorang pendusta besar.” Bukan seorang dua tokoh hadits yang tidak mahu menerima Jaabir ini, bahkan berpuluh-puluh lagi yang lain. Al-‘Aini mencedok sepenuhnya apa yang ditulis Hafiz Ibnu Hajar tanpa membuat sebarang komentar. Mereka berdua tetap berkeras mengatakan bahawa memang benar pemimpin-pemimpin dari kalangan Bani Umayyah seperti al-Hajjaaj dan khalifah pada waktu itu iaitu al-Walid bin ‘Abdul Malik dan lain-lain telah mengerjakan sembahyang di luar waktunya. Itulah antara atsar yang kononnya sahih di sisi Hafiz Ibnu Hajar dan al-‘Aini! Orang-orang yang datang kemudian terus menukilkannya daripada Hafiz Ibnu Hajar tanpa menyelidik dan mengkaji dengan lebih lanjut tentang atsar-atsar itu. **Hadits 498 ini adalah** antara hadits yang hanya diriwayatkan oleh Imam Bukhari dari kalangan tokoh-tokoh hadits.

٤٩٩ - حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ زُرَّارَةَ قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ الْوَاحِدِ بْنُ وَاصِلٍ أَبُو عُبَيْدَةَ الْحَدَّادُ عَنْ عُثْمَانَ بْنِ أَبِي رَوَّادٍ أَحْيَى عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنِ أَبِي رَوَّادٍ قَالَ سَمِعْتُ الزُّهْرِيَّ يَقُولُ دَخَلْتُ عَلَى أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ بِدِمَشْقَ وَهُوَ يَبْكِي فَقُلْتُ مَا يَبْكِيكَ فَقَالَ لَا أَعْرِفُ شَيْئًا مِمَّا أَذْرَكْتُ إِلَّا هَذِهِ الصَّلَاةَ وَهَذِهِ الصَّلَاةُ قَدْ ضَيَّعْتُ وَقَالَ بَكَرُ بْنُ خَلْفٍ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَكْرٍ الْبُرْسَانِيُّ أَخْبَرَنَا عُثْمَانُ بْنُ أَبِي رَوَّادٍ نَحْوَهُ

499- `Amar bin Zurarah meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdu al-Wahid bin Washil Abu `Ubaidah al-Haddad meriwayatkan kepada kami daripada `Utsman bin Abi Rawwaad (nama sebenar Abi Rawwaad ialah Maimun al-Khurasani) iaitu saudara kepada `Abdil `Aziz bin Abi Rawwaad, katanya: Saya mendengar az-Zuhri bercerita, katanya: "Aku masuk menemui Anas bin Malik di Dimasyq. Ketika itu beliau sedang menangis. Maka aku bertanya (beliau): "Apakah yang membuatkan engkau (tuan) menangis?" Jawab beliau: "Aku tidak mendapati sesuatu yang telah kudapati (di zaman Nabi s.a.w.) kecuali sembahyang ini. Sembahyang ini pun telah diabaikan."⁹⁰² **Bakr bin Khalaf**⁹⁰³ berkata: Muhammad bin Bakr al-Bursani (m.203H) meriwayatkan kepada kami, katanya: Utsman bin Abi Rawwaad meriwayatkan kepada kami hadits yang sama`na dengannya.⁹⁰⁴

⁹⁰² Maksud diabaikan di sini ialah sembahyang dikerjakan lewat daripada waktunya yang mustahab pada pandangan Anas. Ia sama sekali tidak harus dipakai dengan erti ia dikerjakan di luar waktu. Perbezaan yang telah berlaku di antara Anas dan pemimpin-pemimpin Bani Umaiyah pada masa itu sebenarnya berpunca daripada perbezaan di antara mereka tentang waktu sembahyang yang mustahab. Anas berpegang dengan hadits-hadits yang menunjukkan waktu sembahyang yang afdhal dan mustahab ialah di awal waktu. Sementara pemimpin-pemimpin Bani Umaiyah pula berpegang dengan hadits-hadits yang menunjukkan waktu sembahyang yang afdhal dan mustahab itu tidak semestinya di awal waktu. Keadaannya tak ubah seperti perbezaan pendapat yang berlaku di antara jumhur `ulama' dengan `ulama'-`ulama' dalam mazhab Hanafi. Di mana jumhur `ulama' berpendapat waktu sembahyang yang afdhal ialah di awal waktu. Golongan Hanafiyyah pula berpendapat, tidak setiap sembahyang afdhal dikerjakan di awal waktu.

⁹⁰³ Kata al-Ghassaani, Bakr bin Khalaf al-Bursaani Abu Bisyr. Bukhari telah menyebutnya sebagai syahid di dalam Kitab as-Shalah selepas mengemukakan hadits daripada Abi `Ubaidah al-Haddaad. Bakr bin Khalaf ini adalah menantu kepada `Abdan lain-lainah bin Yazid al-Muqri. Meninggal dunia pada tahun 204H.

⁹⁰⁴ Ta'liq ini diwashalkan oleh al-Isma`ili, katanya: حدثنا محمود بن محمد الواسطي حدثنا أبو بشر بن بكر بن خلف . حدثنا محمد بن بكر عن أبي بكر بن خالد حدثنا أحمد بن علي . Abu Nu`aim juga meriwayatkan hadits ini, katanya: الخراز حدثنا بكر بن خلف أنبأنا محمد بن محمد ختن المقرئ أخبرنا محمد بن بكر فنكره . Maksud kata Bukhari: "hadits yang sama`na dengannya" ialah hadits yang sama`na dengan hadits yang dikemukakan oleh `Amar bin Zurarah daripada `Abdil Wahid daripada `Utsman bin Abi Rawwaad dan seterusnya. Hadits yang dikemukakan oleh al-Isma`ili betul-betul sama dengan hadits yang dikemukakan

بَابُ الْمُصَلِّيِ يُتَاجَى رَبَّهُ عَزَّ وَجَلَّ

90- Bab Orang Yang Bersembahyang Itu Bermunajat (Berbicara) Dengan Tuhannya.⁹⁰⁵

٥٠٠ - حَدَّثَنَا مُسْلِمُ بْنُ أَبِرَاهِيمَ قَالَ حَدَّثَنَا هِشَامٌ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ أَحَدَكُمْ إِذَا صَلَّى يُتَاجَى رَبَّهُ فَلَا يَتَغَلَّبَنَّ عَنْ يَمِينِهِ وَلَكِنْ تَحْتَ قَدَمِهِ الْيُسْرَى

500- Muslim bin Ibrahim (al-Bashri) meriwayatkan kepada kami, katanya: Hisyam (bin Abi 'Abdillah ad-Dastawaa'i) meriwayatkan kepada kami daripada Qataadah (bin Di'aamah) daripada Anas bin Malik, katanya: Nabi s.a.w. bersabda: "Seseorang daripada kamu apabila bersembahyang, sesungguhnya (bererti) dia sedang bercakap-cakap dengan

oleh 'Amar bin Zurarah kecuali tambahan ini: لا أعرف شيئا مما كنا عليه في عهد رسول الله (Aku tidak mengetahui sesuatu yang kami biasa lakukan di zaman Nabi s.a.w. dahulu). Yang lain-lain semuanya sama.

⁹⁰⁵ Kesenambungan bab ini dengan bab-bab sebelumnya di bawah Kitab Mawaaqit as-Shalah (Kitab tentang waktu-waktu sembahyang) ini adalah daripada segi waktu-waktu menunaikan sembahyang itu adalah waktu-waktu bermunajat (berbicara) dengan Allah s.w.t. Manusia tidak dapat bermunajat (berbicara) dengan Allah kecuali pada waktu-waktu itu. Maka dengan sendirinya ia menunjukkan kelebihan sembahyang dan waktu-waktunya. Hadits-hadits di bawah bab-bab yang lalu menunjukkan betapa terpujinya orang yang mengerjakan sembahyang pada waktu yang ditentukan dan betapa tercelanya pula orang yang lewat-lewatkan sembahyang sehingga terlepas terus waktunya atau terlepas waktu mustahabnya. Hadits-hadits di bawah bab ini pula dikemukakan Bukhari untuk menyedarkan kita bahawa seseorang manusia itu berada pada darjat dan kedudukan yang paling tinggi apabila ia dapat bermunajat dengan Allah. Oleh itu ia hendaklah menjaga waktu sembahyang di samping menjaga adab-adabnya supaya kelebihan bermunajat dengan Allah itu dapat dicapai dengan sebaik mungkin. Sekadar untuk perbandingan, masuk saja mana-mana waktu sembahyang yang lima, seolah-olahnya dibukalah kaunter untuk seseorang itu bermunajat dengan Allah. Apabila habis pula waktu sesuatu sembahyang, seolah-olahnya ditutuplah kaunter untuk munajat itu. Bukankah orang-orang yang ada urusan dengan sesuatu kaunter cukup faham tentang erti masa buka dan masa tutup kanter? Begitulah juga dengan waktu-waktu sembahyang, ada masa buka dan tutupnya. Kata as-Sindi, orang yang hendak bermunajat itu selain perlu menjaga waktunya, perlu juga menjaga adab-adabnya. Di dalam hadits 500 dan 501 di bawah bab ini tersebut larangan meludah ke sebelah hadapan dan ke sebelah kanan. Ini adalah antara adab yang perlu dijaga ketika bersembahyang dan bermunajat dengan Allah. Sebabnya ialah di sebelah kanan orang yang sedang bersembahyang itu ada malaikat yang mencatatkan kebaikan atau pahala sembahyang yang dikerjakannya. Di sebelah hadapannya pula ada Allah yang sedang dimunajatnya. Maka patut sekalilah orang-orang yang sedang bersembahyang itu tidak melakukan sesuatu yang menampakkan semacam dia tidak suka kepada orang yang sedang berbicara dengannya. Dia juga tidak patut melakukan sesuatu yang menampakkan seolah-olahnya dia tidak suka atau benci kepada orang (malaikat) yang mencatat pahala kebajikan yang dilakukannya.

Tuhannya.⁹⁰⁶ Oleh itu janganlah sekali-kali dia meludah ke sebelah kanannya, tetapi hendaklah ke bawah telapak kaki kirinya.”⁹⁰⁷

٥٠١ - حَدَّثَنَا خُفْصُ بْنُ عُمَرَ قَالَ حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ قَالَ حَدَّثَنَا قَتَادَةُ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اغْتَبِلُوا فِي السُّجُودِ وَلَا يَبْسُطُ ذِرَاعَيْهِ كَالْكَلْبِ وَإِذَا بَرَّقَ فَلَا يَبْزُقَنَّ بَيْنَ يَدَيْهِ وَلَا عَنْ يَمِينِهِ فَإِنَّهُ يَنْجَحِي رَبَّهُ وَقَالَ سَعِيدٌ عَنْ قَتَادَةَ لَا يَنْفُلُ قُدَّامَهُ أَوْ بَيْنَ يَدَيْهِ وَلَكِنْ عَنْ يَسَارِهِ أَوْ تَحْتَ قَدَمَيْهِ وَقَالَ شُعْبَةُ لَا يَبْزُقُ بَيْنَ يَدَيْهِ وَلَا عَنْ يَمِينِهِ وَلَكِنْ عَنْ يَسَارِهِ أَوْ تَحْتَ قَدَمَيْهِ وَقَالَ حُمَيْدٌ عَنْ أَنَسٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَبْزُقُ فِي الْقِبْلَةِ وَلَا عَنْ يَمِينِهِ وَلَكِنْ عَنْ يَسَارِهِ أَوْ تَحْتَ قَدَمَيْهِ

501- Hafsh bin `Umar meriwayatkan kepada kami, katanya: Yazid bin Ibrahim meriwayatkan kepada kami, katanya: Qataadah meriwayatkan kepada kami daripada Anas bin Malik daripada Nabi s.a.w. Baginda bersabda: “Bersujudlah kamu dengan sebaik-baiknya.”⁹⁰⁸ Janganlah seseorang itu bersujud dengan menghamparkan kedua lengannya seperti anjing. Apabila meludah, janganlah sekali-kali ia meludah ke sebelah hadapan dan ke sebelah kanannya kerana sesungguhnya dia sedang bermunajat dengan Tuhannya.”⁹⁰⁹

⁹⁰⁶ Hafiz Ibnu Hajar mengatakan, bicara daripada pihak hamba yang bersembahyang adalah suatu hakikat (kerana dia yang membaca al-Qur'an, berdoa dan sebagainya), sementara bicara daripada pihak Allah pula merupakan majaz (bahasa kiasan). Ia bererti apa yang mesti berlaku hasil daripada Allah berbicara dan bercakap-cakap dengan hambanya. Apa yang mesti berlaku ialah Allah merahmati dan meredhainya.

⁹⁰⁷ Hadits Anas ini sebenarnya adalah hadits mukhtasar (hadits yang telah diringkaskan). Untuk mendapat keterangan tentang kenapakah Rasulullah s.a.w. melarang seseorang meludah ke sebelah hadapan dan ke sebelah kanan ketika sedang bersembahyang, malah Baginda s.a.w. sebaliknya menganjurkan supaya meludah ke sebelah kiri atau ke bawah telapak kaki sebelah kiri, sila lihat nota no:31 dan 32 di bawah riwayat no:390 yang lalu.

⁹⁰⁸ Ini adalah terjemahan kepada sabda Baginda s.a.w. اغْتَبِلُوا فِي السُّجُودِ . Kaifiatnya ialah bersujud dengan meletakkan kedua tapak tangan di atas lantai dalam keadaan merenggangkan siku daripada lambung dan tidak merapatkan lengan dan siku ke lantai. Selain itu perut pula direnggangkan daripada paha. Baginilah cara sujud yang sebaik-baiknya. Hikmat diperintahkan bersujud dengan kaifiat itu ialah kerana beberapa perkara berikut: (1) Lebih menampakkan tawadhu' atau merendah diri kepada Allah. (2) Dahi dapat dilekatkan dengan sempurna di atas tempat sujud. (3) Tidak menampakkan keadaan orang yang malas. (4) Tidak menyerupai kedudukan binatang seperti anjing dan lain-lain. (5) Lebih menampakkan kesungguhan, keprihatinan dan penumpuan terhadap sembahyang.

⁹⁰⁹ Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits 501 dan 500 sebelumnya ialah: (1) Orang yang bersembahyang itu sebenarnya sedang bermunajat atau bercakap-cakap dengan Allah. (2) Kelebihan sembahyang dan waktu-waktunya. Kerana ketika bersembahyang pada waktu-waktu yang ditentukan itulah seseorang hamba dapat bermunajat dan bercakap-cakap dengan Tuhannya. (3) Sudah tentulah ada adab-adab yang perlu dijaga seseorang ketika

Kata Sa'id (bin Abi 'Arubah dalam riwayatnya) daripada Qataadah: "Janganlah seseorang itu meludah ke depan atau ke hadapannya, tetapi (hendaklah dia meludah) ke sebelah kiri atau ke bawah kedua tapak kakinya."⁹¹⁰ Syu'bah berkata: "Seseorang itu tidak boleh meludah ke hadapannya atau ke sebelah kanannya tetapi hendaklah meludah ke sebelah kirinya atau ke bawah tapak kakinya."⁹¹¹ Humaid (at-Thawil) berkata (dalam riwayat yang diambilnya) daripada Anas daripada Nabi s.a.w.: "Janganlah seseorang itu meludah ke arah qiblat dan ke sebelah kanannya tetapi hendaklah dia meludah ke sebelah kiri atau ke bawah tapak kakinya."⁹¹²

باب الإبراد بالظهر في شدة الحر

menghadap Allah. Antara adab yang disebutkan di dalam hadits ini ialah tidak meludah ke arah qiblat. Kerana di dalam hadits riwayat Ibnu 'Umar yang lalu (lihat hadits no: 391) tersebut sabda Rasulullah s.a.w. bahawa: فَإِنَّ اللَّهَ قَبْلَ وَجْهِهِ إِذَا صَلَّى (kerana Allah s.w.t berada di hadapannya apabila dia bersembahyang). (4) Antara adab ketika bersembahyang lagi ialah tidak meludah ke sebelah kanan. Kerana di sebelah kanan orang yang bersembahyang itu ada malaikat rahmat yang mencatat pahala sembahyangnya. Abu Hurairah meriwayatkan, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: فَإِنَّ عَنْ يَمِينِهِ مَلَكًا (kerana sesungguhnya di sebelah kanannya ada malaikat). Sila lihat hadits no: 399 yang lalu. (5) Peringatan Rasulullah s.a.w. supaya kita umatnya bersembahyang dengan sebaik mungkin. Baginda s.a.w. menyebutkan secara khusus tentang kaifiat sujud. Kerana banyak sekali keadaan sujud yang tidak sesuai dengan keadaan sembahyang yang sempurna. Antranya ialah dengan seseorang menghamparkan kedua lengannya seperti anjing. (6) Kedudukan arah tidak sama daripada segi kelebihan dan kemuliaannya. Arah paling utama dan mulia ialah arah qiblat. Arah kanan pula lebih mulia daripada arah kiri. (7) Sembahyang adalah ibadat yang paling afdhal kerana di dalamnya jua seseorang hamba dapat bermunajat dan berbicara dengan Allah. Oleh itu patut sekalilah ia dikerjakan dengan sebaik mungkin dengan mengikhlaskan niat dan dengan penuh khushu' dan khudhu' kepadaNya.

⁹¹⁰ Bermula dari sini Imam Bukhari menyebutkan beberapa ta'liqaat. Riwayat Sa'id bin Abi 'Arubah ini, juga dengan sanad di atas telah dikemukakan oleh Ahmad dan Ibnu Hibbaan secara maushul di dalam kitab mereka masing-masing.

⁹¹¹ Syu'bah juga telah mengambil hadits ini daripada Qataadah dengan sanad di atas. Riwayatnya secara maushul dikemukakan oleh Bukhari sendiri di bawah باب لِيَنْزُقَ عَنْ يَسَارِهِ أَوْ تَحْتَ قَدَمَيْهِ الْيُسْرَى melalui saluran riwayat Adam daripada Syu'bah. Di bawah باب حَكِّ الْمَخَاطِ مِنَ الْمَسْجِدِ pula melalui saluran Hafsh bin 'Umar daripada Syu'bah. Tujuan Bukhari mengemukakan riwayat ta'liq Sa'id bin Abi 'Arubah dan Syu'bah ialah untuk menyatakan perbezaan lafaz riwayat hadits ini yang diterima oleh murid-murid Qataadah daripada beliau. Riwayat Syu'bah adalah yang paling lengkap. Tetapi di dalamnya tidak terdapat cerita munajat (orang yang bersembahyang itu bermunajat dengan Tuhannya).

⁹¹² Riwayat ta'liq daripada Humaid daripada Anas juga diwashalkan oleh Bukhari sendiri di bawah باب إِذَا بَدَرَهُ الْبَرَقُ فَلْيَأْخُذْ بِطَرَفِ ثَوْبِهِ. Begini sanad lengkapnya: حَدَّثَنَا مَالِكُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ قَالَ حَدَّثَنَا زُهَيْرٌ قَالَ حَدَّثَنَا قَالَ حَدَّثَنَا . هُمَزٌ عَنْ أَنَسٍ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ (dan ke sebelah kanannya).

*91- Bab Melewatkan Sembahyang Zohor Sehingga Agak Sejuk (Sedikit) Ketika Sangat Panas.*⁹¹³

⁹¹³ Ada dua perkara yang perlu dibincangkan tentang tajuk bab yang dibuat Bukhari ini. **Pertamanya** tentang tujuan beliau mengadakan bab ini. **Keduanya** berkenaan dengan kenapa Bukhari mendahulukan bab ini daripada Bab Waktu Zohor itu sendiri. Sepatutnya bab 93 didahulukan, kerana ia menyatakan permulaan masuk waktu Zohor. Menurut Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi, tujuan Bukhari mengadakan tajuk bab ini ialah untuk menyangkal pendapat Syafi'e. Syafi'e berpendapat, sembahyang Zohor elok dikerjakan di awal waktu dalam apa keadaan sekalipun. Bagi beliau itulah waktu asal yang paling afdhal untuk bersembahyang Zohor. Kalau ada pun hadits-hadits yang menyuruh supaya melewati sembahyang Zohor, itu disebabkan oleh adanya ahli jama'ah yang terpaksa datang ke masjid dari jauh. Bab yang menyusul selepas ini pula diadakan Bukhari untuk menolak alasan yang dikemukakan Syafi'e itu. Kerana dalam perjalanan, tidak timbul lagi soal menunggu ahli jama'ah yang akan datang dari jauh. Semua mereka memang berkumpul di satu tempat perhentian. **Syeikh Zakariya berpendapat**, tujuan Bukhari mengadakan tajuk bab ini ialah untuk menolak semua qaid (ikatan) dan syarat yang dikenakan oleh sesetengah 'ulama' ke atas perintah Rasulullah s.a.w. supaya melewati bersembahyang Zohor ketika panas yang sangat kuat. Antara qaid dan syarat yang dikemukakan adalah seperti berikut: (1) Ia khusus dengan negeri-negeri yang terlalu panas cuacanya. (2) Apabila ada ahli jama'ah yang datang dari jauh ke masjid, sedangkan tidak ada laluan teduh untuk mereka. (3) Di musim panas, dalam keadaan cuaca sangat panas. (4) Ia tidak untuk orang yang bersembahyang sendirian di rumah. (5) Perintah itu khusus dengan masjid atau tempat-tempat sembahyang berjama'ah yang lain. (6) Ia tidak untuk orang-orang yang rumahnya dekat dengan masjid atau tempat sembahyang berjama'ah. **Imam Bukhari tidak bersetuju** dengan semua qaid yang dikemukakan itu. Kerananya beliau mengadakan bab yang menunjukkan keharusan, malah keelokan bersembahyang Zohor lewat ketika sangat panas secara mutlaq tanpa sebarang qaid. Sama ada kerana kepanasan di musim panas atau kepanasan kerana lain-lain sebab. Sama ada di masjid atau di rumah dan sama ada untuk sembahyang dengan berjama'ah atau sembahyang sendirian. Dalam apa saja keadaan dan di mana-mana pun, kepanasan mengharuskan seseorang melewati sembahyang Zohor hingga ke waktu agak sejuk. Malah melewati sembahyang Zohor dalam keadaan panas seperti itu adalah lebih afdhal daripada mengerjakannya di awal waktu. Bagi penulis, boleh jadi juga Imam Bukhari bermaksud mengadili dan mengimbangi pendirian Anas yang kelihatan amat bertentangan dengan pendirian para pemimpin Bani Umaiyah. Seolah-olahnya beliau hendak mengatakan bahawa melewati sembahyang Zohor kerana sesuatu sebab seperti panas dan lain-lain yang boleh menghilangkan khusyu' ketika bersembahyang, tidak termasuk dalam bab mensia-siakan atau mengabaikan sembahyang. **Berhubung dengan perkara kedua** pula, al-'Aini berpendapat, sebabnya Bukhari mendahulukan bab ini daripada Bab Waktu Zohor itu sendiri ialah untuk mengambil berat tentang waktu afdhal bersembahyang Zohor. Bahawa ia tidak semestinya di awal waktu. Dalam keadaan-keadaan tertentu bersembahyang Zohor lewat sedikit lebih afdhal daripada bersembahyang di awal waktu. Hafiz Ibnu Hajar berpendapat, Bukhari mendahulukan bab ini daripada Bab Waktu Zohor itu sendiri kerana sudah tentu kalau seseorang bersembahyang di waktu ibraad (cuaca agak sejuk), bererti dia bersembahyang selepas matahari tergelincir, bukan sebelumnya. Imam Bukhari seolah-olahnya mengisyaratkan kepada awal waktu Zohor (dengan tajuk bab ini) atau beliau mengisyaratkan kepada hadits Jaabir bin Samurah, katanya: *كَانَ بِلَالٌ يُؤَدِّنُ الطَّهْرَ إِذَا تَحَضَّثَ الشَّمْسُ*. Bermaksud: "Bilal selalu melaungkan azan Zohor apabila matahari tergelincir." Syeikh Zakariya menganggap ta'wilan Hafiz Ibnu Hajar itu lebih sukar untuk diterima berbanding ta'wilan yang dibuat al-'Aini sebelum ini. Bagi beliau, Bukhari mengadakan bab khusus untuk awal waktu